

Headline **Cadangan sedia perkhidmatan LRT di Bandar Baru Bangi**
Date **04. Sep 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **35**
Section **Nasional** Article Size **72** cm2
Circulation **217920** Frequency **Daily**
Readership **2083000** Color **Full Color**
AdValue **1286.09**



Cadangan sedia perkhidmatan LRT di Bandar Baru Bangi

CADANGAN kerajaan menambah pembinaan landasan transit aliran ringan (LRT) dari Kota Damansara, USJ, Puchong sehingga ke Putra Heights serta monorel di Putrajaya memang wajar disokong.

Bagaimanapun satu lagi kawasan yang semakin tinggi jumlah penduduk, terlepas pandang dan tidak termasuk

dalam perancangan ialah Bandar Baru Bangi (BBB), Selangor.

Oleh itu, saya mencadangkan LRT dibina sehingga ke BBB. Ia boleh disambung bermula dari Stesen Sungai Besi mengikut Lebuhraya BESRAYA melalui Universiti Putra Malaysia (UPM, Serdang) sehingga ke BBB, mungkin berakhir di sekitar kompleks

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

Mengapa dicadangkan BBB? Sebab ia semakin padat penduduknya dengan kawasan perumahan yang banyak dan mampu menjadi seperti juga USJ. Selain itu, bayangkan manfaat yang akan dibawanya kepada pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia, UPM dan penduduk BBB

sendiri yang berulang alik ke Kuala Lumpur.

Pasti ramai mengatakan sudah ada Komuter KTM di kawasan berkenaan, iaitu Serdang dan UKM namun, mutu perkhidmatannya sejak sekian lama tidak berubah.

PEMINAT BBB,
Kuala Lumpur.